

Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Perbelanjaan Tahun 2002 Bagi Negeri Melaka.

Tujuan

Tujuan pekeliling ini adalah untuk memberi garis panduan kepada Pegawai-pegawai Pengawal mengenai penyediaan Anggaran Belanjawan Mengurus dan pembangunan Negeri bagi Tahun 2002. Kerajaan telah memutuskan bahawa penyediaan dan pemeriksaan cadangan perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan dibuat setiap tahun seperti mana dilakukan pada tahun-tahun lalu. Pegawai-pegawai Pengawal adalah dikehendaki untuk mengemukakan cadangan belanjawan Jabatan masing-masing mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam Pekeliling ini.

Senario Kedudukan Kewangan Negeri

2. Prestasi ekonomi dalam tahun 2001 semakin kukuh dan dijangka kekal dalam jangka pendek, berikutan daripada asar fiskal dan kewangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dasar ini memastikan permintaan dalam negeri terus kukuh yang didorong oleh peningkatan perbelanjaan penggunaan dan pelaburan sektor swasta serta sektor awam. Prestasi Belanjawan Kerajaan Negeri Melaka pada tahun kewangan berakhir pada 31 Disember, 2000 lalu hanya mengalami defisit (kekurangan) yang sedikit, walaupun belanjawan asal tahun 2000 menjangkakan defisit sebanyak RM24.8 juta.

3. Kutipan hasil untuk tiga bulan pertama tahun ini didapati merosot sedikit berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Keadaan ini disebabkan oleh aliran masuk kewangan yang lembab. Senario ini memaksa Kerajaan Negeri lebih berhati-hati dalam perancangan dan pengurusan kewangannya sebagai langkah mengelakkan keadaan dari terus meruncing, tetapi dalam masa yang sama masih mampu menjana pertumbuhan ekonomi yang pesat.

4. Berdasarkan faktor tersebut perbelanjaan berhemat masih menjadi tunggak kepada Belanjawan 2002. Format Belanjawan masih menggunakan format yang sama seperti tahun-tahun lalu seperti di **Lampiran "A"**.

Penyediaan Cadangan Perbelanjaan Mengurus.

5. Pegawai-pegawai Pengawal hendaklah merancang dan merangka tindakan pengurusan secara strategik dan berkesan untuk memastikan sumber kewangan digunakan dengan cara paling optimum.

Penyediaan Cadangan Perbelanjaan Pembangunan

6. Setiap projek jabatan dan agensi Kerajaan Negeri yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke- 8 (RMK8), telahpun diberikan siling semasa menyediakan peruntukan bagi tahun 2001 dan peruntukan RMK8 lalu. Oleh itu, dalam memohon peruntukan bagi tahun 2002, Pegawai-pegawai Pengawal hendaklah memastikan setiap projek mempunyai siling peruntukan yang mencukupi.

7. Pegawai-pegawai Pengawal hendaklah juga memastikan peruntukan yang dipohon telah mengambil kira keupayaan melaksana bagi semua pihak berkenaan berasaskan perancangan yang rapi serta keperluan aliran tunai sebenar bagi tahun 2002.

8. Pegawai-pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan **peruntukan tanda RM10.00** sahaja bagi projek-projek baru yang akan dilaksanakan di mana urusan pengambilan balik tanah, kajian kesesuaian tanah dan kajian kemungkinan sesuatu projek itu masih belum di muktamadkan.

9. Selain daripada itu, Pegawai-pegawai Pengawal juga dikehendaki mewujudkan satu butiran

khas untuk menampung keperluan peruntukan pengambilan balik tanah, kajian kesesuaian tanah dan kajian kemungkinan bagi semua projek. Pelarasan sewajarnya hendaklah dibuat kepada siling projek dan perbelanjaan yang dilakukan hendaklah diselaraskan semula kepada projek berkenaan.

10. Kerjasama Pegawai-pegawai Pengawal adalah juga diminta bagi memastikan hanya peruntukan yang boleh dibelanjakan dalam tahun berkenaan sahaja dipohon.

11. Bagi projek yang dicadangkan dibiayai secara pinjaman, cagaran perlu disediakan oleh peminjam ke atas pinjaman.

Perjawatan

12. Sama seperti amalan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri akan meneruskan dasar mengawal pertumbuhan saiz perkhidmatan awam, kecuali bagi jabatan-jabatan di mana keperluan perjawatan tambahan amat mendesak. Permohonan jawatan tambahan hendaklah dibuat secara berasingan dan dipertimbangkan kemudian. Dalam hubungan ini, sebelum mengemukakan pertambahan jawatan, Pegawai-pegawai Pengawal hendaklah memastikan proses *re-engineering* dilakukan bagi menghapuskan karenah birokerasi serta mengoptimumkan penggunaan tenaga kerja dan ICT.

Penyampaian Cadangan Perbelanjaan Tahun 2002

13. Untuk makluman YB/Datuk/Tuan/Puan, Belanjawan bagi tahun 2002 dijangka dibentangkan dalam Persidangan dewan Undangan Negeri Melaka yang dijadualkan dalam bulan November / Disember 2001. proses cerakinan, semakan, pemeriksaan, analisa dan percetakan dokumen mengambil masa yang panjang. Oleh itu, Pegawai-pegawai Pengawal diminta memberi kerjasama supaya menghantar cadangan perbelanjaan masing-masing ke Pentadbiran ini **tidak lewat dari 30 Jun 2001**.